

**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI AWAM APABILA
MENINGGALKAN PERKHIDMATAN KERAJAAN BERKAITAN DENGAN AKTA RAHSIA
RASMI 1972
[AKTA 88]**

Perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah dan **tidak menjaga dengan cara** yang berpatutan sesuatu rahsia rasmi **dan suratan rasmi** atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau kerahsiaan sesuatu rahsia rasmi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta tersebut, yang boleh dihukum dengan **penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun**.

Dengan ini menjadi satu kesalahan di bawah Akta tersebut bagi saya menyampaikan dengan tiada kebenaran apa-apa rahsia rasmi atau suratan rasmi kepada mana-mana orang lain, sama ada atau tidak orang itu memegang jawatan dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia.

Saya mengaku bahawa tidak lagi ada dalam milik saya atau kawalan saya apa-apa perkataan kod rasmi, **isyarat timbal**, atau **kata laluan rasmi** yang rahsia, **atau** apa-apa benda, suratan atau maklumat, anak kunci, lencana, alat meteri, atau cap bagi atau yang dipunyai, atau diguna, dibuat atau diadakan oleh mana-mana **jabatan** Kerajaan **atau** mana-mana pihak berkuasa diplomat yang dilantik oleh atau yang bertindak di bawah kuasa Kerajaan Malaysia atau Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang tidak dibenarkan berada dalam milikan atau kawalan saya.

Tandatangan :

Nama (huruf besar) :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Jabatan :

Tarikh :

Disaksikan oleh _____

(Tandatangan)

Nama (huruf besar) :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Jabatan :

Tarikh :

Cap Jabatan :